

Bil. (54) dlm. KKM-82/2/6

30 hb April, 1986

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan
dan Kesihatan Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,
Sabah/Sarawak.

Semua Pengarah Yayasan Persekutuan.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.9/1986

Cuti Rehat dan Cuti Sakit Untok Pegawai-pegawai Yang
Menjalankan Latihan Doktor Siswazah Dibawah Seksyen 13(2)
Akta Perubatan 1971

Baru-baru ini terdapat salah faham mengenai cuti rehat dan cuti sakit yang layak diberi kepada pegawai-pegawai yang menjalani latihan doktor siswazah dibawah Seksyen 13(2) Akta Perubatan 1971. Surat pekeliling ini bertujuan menerangkan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi.

2. Cuti Rehat

Setiap pegawai yang menjalani latihan doktor siswazah dibawah Seksyen 13(2) Akta, adalah layak diberi cuti rehat selama 14 hari dalam tempoh satu posting enam bulan. Cuti rehat ini hendaklah dihabiskan dalam tempoh posting tersebut dan tidak boleh dibawa ke posting enam bulan yang kedua.

3. Cuti Sakit dan Cuti Bersalin

Pegawai-pegawai yang menjalani latihan doktor siswazah dibawah Seksyen 13(2) Akta, adalah layak diberi cuti sakit dan cuti bersalin sama seperti pegawai lain. Tetapi cuti sakit dan cuti bersalin ini hendaklah dibayar balik dengan melanjutkan tempoh latihan doktor siswazah. Perakuan melanjutkan tempoh latihan kerana cuti sakit atau cuti bersalin, hendaklah dikemukakan ke pejabat ini mengikut peraturan yang terkandung dalam Surat Pekeliling KPK NO.7/1983.

PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR


Bil. (53) dlm. KKM-82/2/6

30 hb April, 1986

Semua Pengarah Bahagian,

Lesen-lesen atau Sijil-sijil yang dikeluarkan dibawah
beberapa Undang-undang

Saya perhatikan masih terdapat lesen-lesen atau sijil-sijil yang dikeluarkan yang masih menggunakan Bahasa Inggeris. Tindakan hendaklah diambil dengan segera mengeluarkan lesen-lesen atau sijil-sijil dalam Bahasa Malaysia, sebelum Kementerian ini dituduh tidak melaksanakan dasar kerajaan mengenai bahasa. Hanya lesen-lesen atau sijil-sijil untuk kegunaan antarabangsa yang boleh menggunakan dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Jika tuan hendak menterjemahkan sijil-sijil atau lesen-lesen yang dikeluarkan dibawah undang-undang, sila hubungi Penasihat Undang-undang.


Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

-/re